

Resilience of Special Education Teachers in The North Perak Zone

Salasiah Othman^a, Norazlin Gazali^b

^{ab}SMK Bukit Jana

salsally7@gmail.com. 6019-347869, azlin_gazali@yahoo.com. 6019-4508694

Abstract: The study was conducted to identify the resilience level of 164 special education teachers of primary schools (SETs) from the Integrated Special Education Program (ISEP) in the northern zone of Perak. Quantitative type studies using a survey design approach were used to collect data through questionnaires that were modified on a five-point Likert scale. A pilot study was conducted and obtained an alpha Cronbach's alpha instrument with a reliability of 0.752 (32 items). While, the results of the study were statistically analyzed to obtain the percentage, mean, deviation and frequency of the respondents, the inference statistical test with the independent t test method was used to find differences in SETs level of resilience based on gender. The results of the data analysis showed that all four constructs of teacher respondents' level of resilience were high with a mean value of 3.99 and 0.283 for standard deviation. The results also revealed that there was no significant difference between the sexes of the respondents with test value $t = -1.698$, $df = 162$, $sig = .091$ ($p > 0.005$). This study suggests that training or courses related to resilience and intervention programs be given to teachers to help teachers maintain their resilience. Overall the findings of this study explain the level and importance of resilience among SETs. As a result, the results show that they are able to adapt to the challenges and pressures of their respective organizations without being influenced by the gender of the teachers.

Keywords: Resilience, Special Education Teachers, Organizational Commitment.

PENGENALAN

Kredibiliti dan peranan guru merupakan elemen utama untuk melahirkan kemenjadian murid seiring dengan dasar anjakan keempat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) iaitu mentransformasikan keguruan sebagai profesion pilihan. Bagi memenuhi tuntutan tersebut maka golongan pendidik haruslah sentiasa bersedia menghadapi cabaran semasa sebagai seorang guru yang berkualiti. Mereka merupakan tunjang kepada hasrat bagi mencapai aspirasi dengan pendidikan bertaraf antarabangsa untuk melahirkan generasi cemerlang melalui sistem dan dasar pendidikan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sehubungan dengan hasrat murni tersebut, golongan pendidik seharusnya memiliki kekuatan jati diri yang unggul bagi menjalankan tanggungjawabnya di dalam bidang profesion perguruan (Downing, 2017; Brouskeli, Kaltsi, & Loumakou, 2018; Othman & Abd Majid, 2019). Mereka perlu memiliki daya tahan atau resiliensi yang tinggi untuk berhadapan dengan tuntutan dan cabaran dalam dunia pendidikan yang sentiasa mengalami perubahan (Polat & Iskender, 2018; McCallum, Price, Graham, & Morrison, 2015; Melin & Bahari, 2017). Justeru itu, implikasi daripada aspek-aspek nilai yang terkandung dalam resiliensi individu itu secara psikologinya berperanan menjadikan guru lebih komited terhadap sekolah masing-masing dengan lebih cemerlang.

LATAR BELAKANG DAN PERMASALAHAN KAJIAN

Setelah sekian lama bidang psikologi memberi perhatian terhadap aspek yang berkaitan kemurungan, burnout, tekanan dan sebagainya yang boleh menjejaskan prestasi dan komitmen kerja individu. Maka hal yang demikian menjelang cabaran abad ke-21 bidang psikologi mula memberi perhatian terhadap nilai positif dalam modal psikologi seperti resiliensi (Edin, 2016; Ramesh, 2017; Seligman, 2008). Oleh itu, kajian berkaitan resiliensi telah dilakukan pengkaji terhadap guru bagi memahami situasi sebenar permasalahan melibatkan responden yang dikaji oleh mereka (Belknap & Taymans, 2015; Demir Polat & Iskender, 2018; Othman & Abd Majid, 2019; Ramesh, 2017; Zuraidah & Mohamed Yusoff, 2018).

Walau bagaimanapun didapati peningkatan populasi murid berkeperluan khas menjadi semakin mendadak namun tidak sepadan dengan bilangan guru yang kekal berkhidmat dalam bidang tersebut (Othman & Abd Majid, 2020). Situasi ini terjadi disebabkan oleh persaraan guru berpengalaman dan kecenderungan guru-guru novis bertukar bidang atau meninggalkan jawatan yang berkenaan (Connelly & Graham, 2009) (Eubanks, 2017; Fish & Stephens, 2010). Senario yang membimbangkan ini membuktikan hanya guru yang mempunyai resiliensi tinggi dan kesejahteraan subjektif mampu menguruskan emosi, kental berhadapan tekanan atau cabaran yang akan kekal berkhidmat dalam bidang pendidikan khas (Brenne Downing, 2017; Eubanks, 2017; Mazlina, 2013). Guru yang kekurangan resiliensi akan beremosi negatif dan tidak dapat berfungsi secara optimum (Ramesh, 2017). Mereka sebaliknya menunjukkan pelbagai simptom masalah seperti tidak fokus ketika bekerja, mengelak dan mengabaikan kerja (Belknap & Taymans, 2015; Edin, 2016; Mazlina, 2013).

Sehubungan dengan itu, perkara ini boleh menjejaskan hubungan antara rakan sekerja, pentadbir dan pengurusan sekolah. Sekiranya keadaan ini dibiarkan berlarutan pula boleh mendatangkan masalah psikologi yang menjejaskan kesihatan seperti sakit kepala, gangguan tidur, tekanan darah tinggi, perubahan sikap atau emosi yang tidak menentu (Edin, 2016). Guru yang gagal menguasai komunikasi berkesan dilihat tidak mampu memelihara hubungan baik dengan pentadbir, rakan sekerja, murid dan ibu bapa boleh memberi kesan terhadap komitmen kerja mereka. Kekurangan sokongan emosi daripada mereka yang terlibat secara langsung dengan kerjaya guru ini mengakibatkan guru tidak merasa seronok untuk kekal bertahan lebih lama di sekolah tersebut (Belknap & Taymans, 2015; Brenne Downing, 2017; Edin, 2016; Mohamad, Rosila, & Yaacob, 2013).

Sehubungan dengan itu, guru didapati memerlukan masa dan tenaga menguruskan tingkah laku mencabar di kalangan anak murid yang pelbagai keupayaan, guru pendidikan khas mengakui mengalami keletihan berganda (Mazlina 2013; Downing 2017). Tambahan pula mereka perlu memberi komitmen dan perhatian bidang tugas mengajar, perkeranian dan pengurusan profesional secara serentak (Downing 2017; Mazlina 2013; Nor Hamizan & Ferlis 2017; Schultz 2011). Faktor tekanan seperti masalah disiplin murid, murid tidak serius belajar, kelas yang padat, mesyuarat yang kerap, konflik berperanan, dan kritikan boleh menyebabkan guru mengalami burnout (Belknap & Taymans, 2012; Mazlina, 2013; Mohd Zuri & Aznan, 2017).

Justeru itu, berikutan dengan pernyataan dan isu-isu yang timbul daripada masalah di atas maka pendekatan psikologi positif ini dapat menggantikan rawatan yang bersifat intervensi. Tindakan ini diharapkan boleh meningkatkan kualiti resiliensi guru untuk mengurangkan kesan negatif seperti stres terhadap kerja bagi meningkatkan komitmen organisasi (Avey, Luthans, Smith, & Palmer, 2010; Baco, Nor, & Mohd. Dahlan Hj. A. Malek, 2014; Mazlina, 2013; Seligman, 2008).

OBJEKTIF KAJIAN

Penulisan artikel ini adalah dilakukan dengan berpanduan fokus kajian yang mencari jawapan persoalan kajian berdasarkan objektif berikut:

1. Mengenal pasti tahap resiliensi guru pendidikan khas sekolah kebangsaan zon utara Perak.
2. Mengenal pasti perbezaan tahap resiliensi guru pendidikan khas sekolah kebangsaan zon utara Perak berdasarkan jantina.

TINJAUAN LITERATUR

Teori Kerangka Resiliensi Kerjaya (Rickwood, 2002) yang diaplikasikan dalam kajian ini kerana resiliensi berkait rapat dengan diri dan persekitaran kerja (Gu & Day, 2013; Ramesh, 2017; Sotomayor,

2013). Persekitaran kerja melibatkan faktor pentadbiran dan struktur organisasi dalam menentukan resiliensi guru pendidikan khas (Belknap & Taymans, 2015; Billingslea, 2004; Brenne Downing, 2017; Cornelissen, 2016). Teori ini bermaksud kemampuan untuk beradaptasi dalam situasi tidak selesa dan wujudnya resiliensi apabila terdapat interaksi secara mendalam antara kepercayaan, penglibatan dan hubungan dalam diri seseorang (Rickwood 2002; Sotomayor 2012).

Resiliensi kerjaya ini terdiri daripada empat domain iaitu (1) adaptasi penerimaan kerja – mewujudkan persekitaran yang menyokong resiliensi melalui pembangunan profesional, (2) sokongan kesedaran sendiri – proses atau kaedah yang boleh membantu pekerja membangunkan dan memahami nilai dan kecenderungan peribadi, (3) sokongan organisasi dan pentadbir – membantu pekerja dalam mengenal pasti dan mengatasi masalah atau kesukaran untuk menjalankan peranan dalam organisasi dan (4) Adaptasi interaksi kerja – memupuk jalinan kolaborasi dengan komuniti dalam suasana persekitaran kerja untuk membina interaksi bermakna antara satu sama lain (Belknap & Taymans, 2012; Rickwood, 2002; Ulya & Ahmad, 2018). Resiliensi hanya akan wujud apabila terdapat interaksi secara mendalam melibatkan nilai, kepercayaan dan hubungan dalam diri seseorang (Rickwood, 2002; Travis G. Cunningham Travis, 2015).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian berbentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan melalui pensampelan bertujuan dijalankan ke atas 164 orang guru pendidikan khas sekolah kebangsaan di Zon Utara Perak. Populasi sampel yang dipilih mempunyai kriteria dan memenuhi demografi yang diperlukan untuk tujuan kajian. Kebenaran untuk menjalankan penyelidikan dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD) Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri diperoleh sebelum soal selidik diedarkan ke sekolah.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik dengan lima skala Likert. Kajian rintis telah dijalankan dan memperolehi nilai Alfa Cronbach instrumen dengan nilai kebolehpercayaan resiliensi 0.752 bagi 32 item soalan yang dijawab oleh 31 orang responden. Data kajian lapangan yang diperoleh kemudian dianalisis menggunakan statistik deskriptif untuk mendapatkan frekuensi, min, sisihan piawai dan setiap konstruk resiliensi. Manakala statistik inferensi menggunakan analisis ujian t bebas digunakan untuk mendapatkan perbezaan yang signifikan tahap resiliensi berdasarkan jantina responden. Pemboleh ubah utama kajian diukur dengan instrumen Resiliensi Kerjaya Pendidikan Khas (*Special Education Career Resiliency Scale*) oleh Sotomayor (2012) kemudiannya diterjemahkan oleh pengkaji tempatan (Ramesh, 2017).

Interpretasi julat min dibuat mengikut skala yang digunakan oleh Ramesh, (2017) melalui sumber Interpretasi skor min bagi kajian ini menggunakan sumber Bahagian Perancangan Pendidikan dan Dasar Pendidikan (2006) menggunakan pemeringkatan skala skor min seperti dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1. Jadual Skala skor min dan interpretasi bidang pendidikan

Skor Min	Tahap/Interpretasi
1.0 - 1.80	Sangat rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Bahagian Perancangan Pendidikan dan Dasar Pendidikan (2006)

DAPATAN KAJIAN

a. Tahap Resiliensi Keseluruhan

Kajian ini melibatkan empat konstruk resiliensi bagi responden kajian iaitu yang pertama ialah sokongan organisasi dan pentadbir pada tahap interpretasi tinggi nilai min 3.97 dengan sisihan piawai 0.536. Konstruk kedua iaitu sokongan kesedaran diri juga berada pada tahap yang tinggi dengan min 3.99 dan sisihan piawai 0.388. Konstruk seterusnya adalah adaptasi penerimaan kerja dengan skor min 4.13 dan sisihan piawai 0.333 yang bermaksud interpretasi tinggi. Manakala konstruk yang keempat iaitu adaptasi penerimaan kerja juga menunjukkan interpretasi tinggi dengan nilai min 3.87 dan sisihan piawai 0.333.

Secara keseluruhannya tahap resiliensi dalam kalangan guru pendidikan khas sekolah kebangsaan adalah tinggi dengan skor min 3.99 dan sisihan piawai 0.283. Dapatan hasil analisis deskriptif di atas menunjukkan bahawa guru pendidikan khas di sekolah kebangsaan mempunyai tahap ketahanan yang baik dan memuaskan untuk menyesuaikan diri walaupun mengalami kesukaran ketika menjalankan tugas. Keseluruhan tahap resiliensi, min dan sisihan piawai dinyatakan dalam Jadual 2.

JAJadual 2. Skor Keseluruhan dan interpretasi Resiliensi

Bil	Konstruk	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Sokongan Organisasi Dan Pentadbir	3.97	0.536	Tinggi
2	Sokongan Kesedaran Diri	3.99	0.380	Tinggi
3	Adaptasi Penerimaan Kerja	4.13	0.334	Tinggi
4	Adaptasi Interaksi Kerja	3.87	0.333	Tinggi
	Keseluruhan	3.99	0.283	Tinggi

b. Tahap Resiliensi Berdasarkan Jantina

Berdasarkan analisis data dengan menggunakan ujian t bebas, secara keseluruhannya tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan tahap resiliensi dalam kalangan guru pendidikan khas sekolah kebangsaan berdasarkan jantina dengan nilai $t = -1.698$, $df = 162$, $sig = 0.091$ ($p > 0.005$). Merujuk kepada nilai min, guru lelaki (min = 3.91 dan SP = 0.644) menunjukkan tahap resiliensi yang rendah sedikit berbanding dengan guru perempuan (min = 4.01 dan SP = 0.546).

Jadual 3. Perbezaan tahap resiliensi dalam kalangan guru pendidikan khas sekolah kebangsaan

Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	t	df	sg
Lelaki	32	3.97	0.536	-1.768	162	0.09
Perempuan	132	3.99	0.380			1
		3.99	0.283			

* $p > 0.005$

Walau bagaimanapun, hipotesis nol (H_{01}) bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap resiliensi dalam kalangan guru pendidikan khas sekolah kebangsaan berdasarkan jantina adalah **gagal ditolak** kerana nilai $sig. = 0.091$ ($p > 0.05$). Dapatan ini bermaksud tahap resiliensi dalam kalangan guru pendidikan khas sekolah kebangsaan tidak dipengaruhi oleh jantina.

PERBINCANGAN

Resiliensi mencatatkan min keseluruhan bagi empat aspek konstruk dengan nilai catatan nilai min 4.01 membawa maksud tahap interpretasi nilai yang tinggi. Dapatan interpretasi ini selari dengan kajian yang telah dibuat oleh pengkaji lain terhadap resiliensi guru sama ada di dalam dan di luar negara (Amalina & Nor Aini 2018; Fauziah et al. 2009; Mohammadi 2016; Sautelle et al. 2015; Zuraidah & Mohamed Yusoff 2018). Kajian lain yang berkaitan pula menunjukkan nilai min pada tahap sederhana (Brouskeli et al. 2018; Easterly & Meyers 2018; Ramesh 2017). Manakala kajian Mohd Salmi (2016) terhadap guru sekolah menengah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Sarawak yang mencatat nilai min tertinggi iaitu 4.64. Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Cetin (2019) dengan nilai min yang sangat tinggi iaitu 4.35. Sebaliknya dapatan ini berbeza dengan kajian Ocak, Miller & Basim (2016) yang hanya mencatat nilai min 2.0 yang memberi tafsiran bahawa adalah rendah bagi resiliensi guru di Bosnia. \

Oleh kerana kajian ini dibuat melibatkan GPK sekolah kebangsaan maka perbandingan dapat dilakukan dengan tahap min resiliensi GPK sekolah menengah yang telah dibuat oleh Ramesh (2017).

Hasil analisis kajian ini telah menyokong dapatan kajian Easterly & Myers (2018) yang mendapati tahap resiliensi guru sekolah rendah lebih tinggi berbanding guru sekolah menengah. Oleh hal demikian, kajian ini secara tidak langsung telah berjaya melengkapkan sebahagian lagi kajian melibatkan responden lain. Oleh itu, maka tahap resiliensi guru dikaji melibatkan GPK sekolah kebangsaan dalam konteks budaya di Malaysia.

Seterusnya keputusan kajian ujian t bebas menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan antara guru lelaki dan perempuan berdasarkan tahap resiliensi mereka. Dapatan ini menyokong hasil kajian oleh beberapa pengkaji terdahulu ke atas guru berdasarkan lokasi kajian masing-masing (Brouskeli et al., 2018; Demir Polat & İskender, 2018; Osman, 2016). Namun berbeza dengan dapatan kajian yang dijalankan pengkaji lain yang mendapati tahap guru perempuan lebih tinggi berbanding guru lelaki (Bozgeyikli & Adem Şat, 2014; Estaji & Rahimi, 2014; Ramesh, 2017). Bertentangan pula dengan penyelidikan dari Turki (Yalçın, 2013) yang mendapati bahawa guru lelaki mempunyai tahap daya tahan yang lebih tinggi daripada perempuan dalam kajian yang dilakukan terhadap guru sekolah rendah di negara itu.

Maka demikian dapatan objektif yang kedua ini membuktikan guru lelaki dan guru perempuan mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang resiliensi. Implikasi daripada pengetahuan tersebut mereka mampu beradaptasi dengan situasi yang mencabar. Mereka tahu cara untuk bertindak dan bertahan ketika berhadapan suasana tegang atau konflik sama ada di dalam atau luar bilik darjah.

CADANGAN DAN IMPLIKASI

Dapatan dan kajian-kajian lalu telah menunjukkan bahawa faktor seperti resiliensi memainkan peranan penting untuk menangi tekanan sekali gus menyumbang kepada komitmen organisasi guru. Justeru itu semua pihak terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah perlu mengambil inisiatif dan langkah proaktif dan berterusan dalam merangka dan melaksanakan program-program intervensi yang diperlukan dalam usaha memupuk dan meningkatkan tahap resiliensi dalam kalangan guru. Sebagai contoh, program atau kursus pasca perkhidmatan boleh dianjurkan untuk guru yang belum disahkan jawatan ataupun guru yang menunjukkan gejala burnout.

Sehubungan dengan itu, pihak sekolah khususnya pentadbir dan unit bimbingan & kaunseling juga boleh mengenal pasti guru-guru yang mempunyai tahap resiliensi yang rendah. Seterusnya pihak berkaitan merangka dan melaksanakan program intervensi yang dapat membantu guru mengekalkan resiliensi mereka. Golongan guru juga perlu meningkatkan kesedaran diri tentang tahap resiliensi bagi meningkatkan profesionalisme mereka dan menambah kemajuan dalam bidang kerjaya sebagai pendidik. Para penyelidik dan ahli psikologi boleh mengambil inisiatif untuk meneliti serta mengkaji dimensi resiliensi serta melihat faktor atau pemboleh ubah lain yang menyumbang kepada aspek tersebut.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian telah menjawab kedua-dua persoalan kajian yang telah dikemukakan oleh pengkaji. Merujuk kepada hasil analisis yang dijalankan menggambarkan bahawa tahap min adalah pada tahap yang tinggi. Keadaan ini menunjukkan bahawa guru pendidikan khas sekolah kebangsaan di dua daerah tersebut berdaya tahan walaupun berhadapan dengan suasana mencabar dalam melaksanakan tugas di sekolah. Hal ini bertepatan dengan Teori Kerangka Resiliensi Kerjaya yang dikemukakan oleh Rickwood (2002) membuktikan kemampuan responden berkenaan untuk beradaptasi dalam situasi tidak selesa. Kemampuan ini disebabkan oleh elemen interaksi kepercayaan, penglibatan dan hubungannya dengan kekuatan resiliensi yang dimiliki oleh mereka sama ada guru lelaki atau perempuan. Keadaan ini perlu dikekalkan dan diberi perhatian untuk memberikan keseimbangan terhadap kesejahteraan subjektif hidup dalam mengekalkan prestasi kerja yang cemerlang.

DAFTAR RUJUKAN

- Avey, J. B., Luthans, F., Smith, R. M., & Palmer, N. F. (2010). Impact of positive psychological capital on employee well-being over time. *Journal of Occupational Health Psychology*, 15(1), 17–28. <https://doi.org/10.1037/a0016998>
- Baco, B. S., Nor, M. A. M., & Mohd. Dahlan Hj. A. Malek. (2014). Modal Psikologi (Psychological Capital), Stres Kerja dan Komitmen Kerja (Work Engagement): Satu Penelitian Awal. *Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014*. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Belknap, B. (2012). *Fostering Resilience in Beginning Special Education* The George Washington University.

- Belknap, B., & Taymans, J. (2015). Risk and resilience in beginning special education teachers. *The Journal of Special Education Apprenticeship*, 4(1), 1–19.
- Billingslea, B. (2004). Special Education Teacher Retention. *The Journal of Special Education*, 38(1), 39–55.
- Bozgeyikli, H., & Adem Şat. (2014). The Investigation Of Psychological Resistance And Organizational Citizenship Behavior In Teachers: Special School Example, 3, 2014.
- Brenne Downing. (2017). *Special Education Teacher Resilience: A Phenomenological Study of Factors Associated with Retention and Resilience of Highly Resilient Special Educator*.
- Brouskeli, V., Kaltsi, V., & Loumakou, M. (2018). Resilience and occupational well-being of secondary education teachers in Greece. *Issues in Educational Research*, 28(1), 43–60.
- Connelly, V., & Graham, S. (2009). Student Teaching and Teacher Attrition in Special Education. *Teacher Education and Special Education: The Journal of the Teacher Education Division of the Council for Exceptional Children*, 32(3), 257–269. <https://doi.org/10.1177/0888406409339472>
- Cornelissen, T. P. (2016). *Exploring The Resilience Of Teachers Faced With Learners' Challenging Behaviour In The Classroom*.
- Demir Polat, D., & İskender, M. (2018). Exploring Teachers' Resilience in Relation to Job Satisfaction, Burnout, Organizational Commitment and Perception of Organizational Climate. *International Journal of Psychology and Educational Studies*, 5(3), 1–13. <https://doi.org/10.17220/ijpes.2018.03.001>
- Easterly, R. G., & Meyers, B. (2018). Personal Resilience as a Predictor of Professional Development Engagement and Career Satisfaction of Agriscience Teachers. *Journal of Agricultural Education*, 59(1), 119–134. <https://doi.org/10.5032/jae.2018.01119>
- Edin, N. (2016). *Cara Berfikir Dan Daya Tahan Guru*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Estaji, M., & Rahimi, A. (2014). Examining the ESP Teachers' Perception of Resilience. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 98, 453–457. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.03.439>
- Eubanks, I. B. (2017). *Special Education Teachers' Resiliency To Remain In The Field Of Special Education*. Columbus State University Columbus, GA.
- Fauziah, N., Rahmah, M. R., Rohani, G., Rasimah, A., & Zabani, D. (2009). Teacher Professionalization and Career Commitment. *World Academy of Science, Engineering and Technology*, 54(6), 1252–1258.
- Fish, W. W., & Stephens, T. L. (2010). Special education: A career of choice. *Remedial and Special Education*, 31(5), 400–407. <https://doi.org/10.1177/0741932509355961>
- Gu, Q., & Day, C. (2013). Challenges to teacher resilience: Conditions count. *British Educational Research Journal*, 39(1), 22–44. <https://doi.org/10.1080/01411926.2011.623152>
- Mazlina, S. (2013). *Hubungan Tekanan Dengan Komitmen Dan Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Guru Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran Di Empat Buah Sekolah Rendah Daerah Pontian*. Universiti Teknologi Malaysia.
- McCallum, F., Price, D., Graham, A., & Morrison, A. (2015). Teacher Well-Being. *Journal of Psychoeducational Assessment*, 33(8), 744–756. <https://doi.org/10.1177/0734282915587990>
- Melin, N. H., & Bahari, F. B. @. (2017). Daya Tahan Guru Pendidikan Khas. *Prosiding Simposium Psikologi Dan Kesehatan Sosial-i 2017*, (May), 170–177.
- Mohamad, J., Rosila, N., & Yaacob, N. (2013). Kajian Tentang Kepuasan Bekerja Dalam Kalangan Guru-Guru Pendidikan Khas (a Study on Job Satisfaction Among Special Education Teachers). *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 28, 103–115.
- Mohammadi, S. K. V. J. M. (2016). Relationship between psychological capital and organizational commitment with job satisfaction of physical educators in Kurdistan province.
- Mohd. Salmi, O., Maria, C. A., Abdul Aziz, I., & Samsilah, R. (2015). Daya Tahan dalam Kalangan Guru Alaf 21. *International Journal of Education and Training (InJET)*, 1(2), 1–9.
- Mohd Zuri, G., & Aznan, C. A. (2017). Modal Psikologi (Psychological Capital), Stres Kerja dan Komitmen Kerja (Work Engagement): Satu Penelitian Awal. Retrieved from http://www.ums.edu.my/uppkv2/images/SPKS-I2017/Prosiding_SPKS-I_2017.pdf
- Osman, M. S. (2016). *Hubungan Antara Dimensi Kecerdasan Emosi, Spritual Dan Fizikal Dengan Daya Tahan Dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah*. Universiti Putra Malaysia. Universiti Putra Malaysia. <https://doi.org/https://doi.org/10.3929/ethz-b-000238666>
- Othman, S., & Abd Majid, R. (2019). Resiliensi, Kesejahteraan Dan Hubungannya Dengan Kesejahteraan Subjektif. In *International Conference on Global Education VII "Humanising Technology For IR. 4.0"* (pp. 417–423). Padang Panjang: Copyright @ 2019 Ekasakti University.
- Othman, S., & Abd Majid, R. (2020). *Resilensi, Kesejahteraan Subjektif Dan Komitmen Organisasi Guru Pendidikan Khas Sekolah Kebangsaan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ramesh. (2017). *Hubungan Resiliensi, Modal Psikologi Dan Tret Personaliti Terhadap Kesejahteraan*

- Subjektif Dan Komitmen Dalam Kalangan Guru Pendidikan Khas. UKM.*
- Rickwood, R. R. (2002). Enabling High-risk Clients : Exploring a Career Resiliency Model.
- Sautelle, E., Bowles, T., Hattie, J., & Arifin, D. N. (2015). Personality, resilience, self-regulation and cognitive ability relevant to teacher selection. *Australian Journal of Teacher Education*, 40(4), 54–71. <https://doi.org/10.14221/ajte.2015v40n4.4>
- Seligman, M. E. P. (2008). Positive Health, (11286), 3–18. <https://doi.org/10.1111/j.1464-0597.2008.00351.x>
- Sotomayor, A. E. (2013). *Career resilience and continuing special education teachers: The development and evaluation of the Special Education Career Resilience Scale. Dissertation Abstracts International Section A: Humanities and Social Sciences*. University of Maryland.
- Travis G. Cunningham Travis, G. (2015). *A Phenomenological Study of the Resiliency of Special Education Teachers*. Drexel University.
- Ulya, A., & Ahmad, N. A. (2018). Enhancing Efficacy of Special Education Early Teachers: The External and Psychological Resilience Factors Perspectives. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(7), 737–749. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v8-i7/4416>
- Yalçın, S. (2013). The relationship between primary school teachers' professional burnout levels and stress, psychological resilience and academic optimism. Gazi University Institute of Educational Sciences, Ankara.
- Zuraidah, M., & Mohamed Yusoff, M. N. (2018). Modal Psikologi Dan Komitmen Guru Dalam Organisasi. *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan*.